

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL
[LEMBAH PANTAI]**

TARIKH : 26 OGOS 2020 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan peratus pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah yang gagal mengikut pembelajaran dalam talian sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan sehingga hari ini dan apakah langkah-langkah yang akan diambil Kementerian bagi membolehkan pelajar-pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah kembali ke sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menjalankan Kajian Kesediaan Murid dalam Pembelajaran Secara dalam Talian pada 28 Mac hingga 2 April 2020. Kajian ini melibatkan 670,118 responden yang terdiri daripada ibu bapa kepada 893,331 murid. Dapatan kajian menunjukkan 6.0 peratus murid memiliki komputer peribadi, 9.3 peratus murid memiliki komputer riba, 5.8 peratus murid memiliki tablet dan 46.5 peratus murid memiliki telefon pintar. Di samping itu, terdapat juga murid yang memiliki lebih daripada satu peranti bagi kegunaan pembelajaran secara dalam talian. Namun, dalam masa yang sama, masih terdapat 36.9 peratus murid yang tidak mempunyai sebarang peranti bagi membolehkan mereka mengikuti pembelajaran secara dalam talian.

Dapatan ini menunjukkan bahawa sebahagian besar murid tidak dapat mengikuti pembelajaran secara dalam talian dengan berkesan kerana tidak memiliki peranti bersesuaian. Di samping itu, terdapat juga kekangan dalam aspek tahap akses internet yang terhad. Keadaan ini menyebabkan pembelajaran tidak dapat berlaku secara menyeluruh dan seragam kepada semua murid.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah melaksanakan pembukaan semula sekolah secara berperingkat bermula pada 24 Jun 2020. Sebagai permulaan, pada 24 Jun 2020 hanya murid kelas peperiksaan awam, iaitu Sijil Pelajaran Malaysia, Sijil Vokasional Malaysia, Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia dan Sijil Tinggi Agama Malaysia serta peperiksaan antarabangsa yang setara hadir ke sekolah.

Kemudian, diikuti dengan pembukaan semula prasekolah, tabika dan tadika pada 1 Julai 2020. Seterusnya, pembukaan semula sekolah untuk murid Tingkatan 6 Semester 1, Tingkatan 1 hingga Tingkatan 4, Kelas Peralihan serta Tahun 5 dan Tahun 6 pada 15 Julai 2020. Manakala, pembukaan semula sekolah bagi murid Tahun 1 hingga Tahun 4 adalah pada 22 Julai 2020.

NO. SOALAN : 43

Sebelum sekolah dibuka semula, pihak sekolah dan guru telah membuat persiapan rapi bagi memastikan keselamatan dan kesihatan murid, guru serta kakitangan sekolah sepanjang mereka berada di sekolah. KPM menyediakan Garis Panduan Pengurusan Pembukaan Semula Sekolah serta Garis Panduan Tambahan sebagai panduan. Setiap garis panduan yang disediakan telah mendapat pengesahan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Selain menyusun atur bilik darjah dengan mengambil kira penjarakan fizikal, persiapan penting lain adalah menyediakan peralatan dan bahan seperti alat pengimbas suhu badan, pensanitasi tangan dan sabun pencuci tangan yang mencukupi untuk warga sekolah. Bagi tujuan tersebut, KPM telah menyalurkan peruntukan kepada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah untuk melaksanakan proses perolehan dan perbekalan peralatan atau bahan yang diperlukan. Di samping itu, pihak sekolah ada menerima sumbangan peralatan yang diperlukan daripada pelbagai pihak.

Sekian, terima kasih.